



Ministry of Industry and Primary Resources

TEKS UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya Bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Tetamu Kehormat
“MAJLIS PERASMIAN PAMERAN KAIN TENUNAN: BUDAYA DAN EKONOMI TRADISI BRUNEI”
AIRPORT MALL, BERAKAS
Hari Selasa, 12 Jamadilakhir 1434 bersamaan 23 April 2013

BISMILLAH HIR RAHMAN NIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Mulia Awang Muhd Azri bin Haji Razab, selaku Pengerusi Majlis,

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah-Pengarah; Pensyarah-Pensyarah; para penuntut; hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis kerana sudi menjemput saya sebagai Tetamu Kehormat dan seterusnya merasmikan **Pameran Kain Tenunan: Budaya dan Ekonomi Tradisi Brunei** pada hari ini. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para mahasiswa atas kejayaan membuat kajian mengenai kain tenunan dan juga kejayaan mengendalikan pameran ini. Semoga semangat untuk membangunkan industri tradisional ini tidak akan luntur dan saya yakin usaha yang murni ini Insya Allah akan mendapat kejayaan dan keberkatan. Pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak Universiti Brunei Darussalam dalam apajua bentuk yang berpatutan bagi sama-sama meraih kejayaan tersebut.

2. Di Majlis ini saya tidak akan banyak menyentuh tentang sejarah atau corak dan ragam kain tenunan atau industri tradisi. Saya akan banyak menyentuh tentang perekonomian dan keadaan perusahaan dalam industri tradisi atau lebih dikenali dengan PERUSAHAAN KOTEJ (COTTAGE INDUSTRI).

3. Dari segi sumbangan kepada usaha untuk mempelbagaikan ekonomi, industri ini tidaklah setanding sumbangannya dengan lain-lain perusahaan. Begitu juga dari segi peluang-peluang pekerjaan yang akan dijana oleh perusahaan ini tidaklah menandingi peluang-peluang disektor lain. Dari segi pendapatan pula perusahaan ini jika dilakukan secara perseorangan diakui menghadapi banyak cabaran seperti membawakan pendapatan yang kecil dan bermusim. Kebanyakan pengusaha persendirian dalam sektor ini adalah terdiri dari kaum wanita; dilakukan secara sambilan, informal dan tempat-tempat perusahaan adalah dalam kawasan rumah atau tempat-tempat persendirian.

4. Namun begitu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tidaklah akan meninggalkan sektor ini. Malahan dalam strategi kluster yang baru diperkenalkan, Kementerian telah mengkategorikan Industri Kotej ini dalam KLUSTER SOSIO-EKONOMI yang akan dapat menangani hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan kemakmuran rakyat dan penduduk di Negara ini dan juga bagi generasi yang akan datang. Yang lebih penting ialah usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi memastikan perkembangan ekonomi Negara yang inklusif dan seimbang – tidak kira jantina, saiz, atau tempat perusahaan.

5. Perusahaan kotej atau tradisi ini, khususnya perusahaan kain tenunan di Negara ini mempunyai ciri-ciri yang boleh dianggap unik dan menarik dari segi bahan yang digunakan, corak pembuatan dan sejarah serta pendekatan masyarakat. Secara ringkas, beberapa penulis sejarah telah mengakui kecantikan dan kehalusan kraftangan daripada hasil-hasil pertukangan perak, tembaga dan tenunan Brunei, seperti tulisan jurutulis Pengembara Sepanyol Magellan, Antonia Pigafetta ada menyebut dalam tulisannya pada tahun 1521. Corak kraftangan Brunei banyak menggunakan sumber-sumber alam dan semula jadi yang diolah dengan pintarnya dengan menggunakan geometrik. Corak ini bertepatan dengan usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk memantapkan imej jenama atau BRAND IMAGE, Negara Brunei Darussalam sebagai Negara yang mesra alam dan hijau.

6. Dengan mengambil kira sejarah perusahaan ini, apakah kedudukan industri tradisi ini pada masa kini? Pada pengamatan saya, kita adalah berada di persimpangan jalan atau CROSSROAD, yang sengit, iaitu di antara meneruskan perusahaan ini atau terus membiarkannya tertimbus oleh peralihan zaman.

7. Di persimpangan jalan ini juga, sektor ini menghadapi banyak cabaran dan rintangan. Saya tidak akan menyenaraikan satu persatu; tetapi memadaikan kalau saya kumpulan dalam dua atau tiga kategori besar, iaitu: PERTAMA dari segi permintaan atau DEMAND dimana minat generasi sekarang dan generasi muda adalah semakin kendur dan luntur disebabkan banyak pilihan dan sebagainya. KEDUA dari segi pembekalan atau SUPPLY dimana cabaran yang paling sengit ialah kos yang meningkat dan bekalan bahan-bahan yang tidak mudah diperolehi serta hasil-hasil produk saingan dari luar negara. Yang paling kritikal ialah pengusaha-pengusaha tempatan dan generasi pengganti yang makin berkurangan disebabkan tidak ada minat atau tidak ada galakan serta insentif untuk menceburkan diri dalam sektor ini.

8. Apakah pilihan kita dalam keadaan sedemikian yang diibaratkan buah kepayang ditelan pahit dibuang sayang ini? Di sini saya ingin mengajukan beberapa cadangan untuk dijadikan bahan pemikiran. Dari segi mikro saya rasa yang amat penting ialah terus memantapkan daya usaha yang telah membawakan ciri-ciri kebruneian iaitu titih, lutan, dan tekun. Pepatah orang Brunei BIAR SEDIKIT ASALKAN PELIKAT. Kita hendaklah mengekalkan ciri-ciri kebruneian ini dan hendaklah elakkan dari mengikut-ikut atau meniru-meniru pengusaha dari lain negara. Tidak kurang pentingnya juga penggunaan cara atau proses yang lebih canggih tanpa mengorbankan cara atau proses tradisi. Ini saya maksudkan ialah penggunaan teknologi dalam membawakan corak atau cara penenunan tanpa menjejaskan corak atau proses tradisi. Usaha ini akan sedikit sebanyak mengurangkan kos. Dalam hal ini saya sama sekali tidak berhasrat untuk menurunkan harga barangan keseluruhannya sebab ia akan menurunkan nilai tenunan itu. Penurunan harga boleh dilakukan melalui pengenalan hasil-hasil yang menggunakan bahan dan proses yang lebih murah secara segmen pasaran atau jenis-jenis pembeli.

9. Kita juga perlu bijak dalam mengenalpasti pasaran dan jenis-jenis produk yang lebih menarik dan banyak memberi pulangan. Dengan kata lain kita hendaklah tidak menghadkan kepada pembuatan kain untuk pakaian sahaja atau jenis kain jongsarat sahaja.

10. Secara makro, Masyarakat dan pihak-pihak yang terlibat hendaklah memberikan sokongan yang padu kepada usaha untuk MENGHIDUPKAN KEMBALI INDUSTRI TRADISI ATAU INDUSTRI KOTEJ ini. Ke arah membantu menghidupkan kembali dan memperkembangkan Industri tradisional ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menubuhkan sebuah pusat khusus bagi menangani Industri tradisional di gelar **PUSAT PEMBANGUNAN INDUSTRI KOTEJ DAN KRAFTANGAN**. Insya Allah, dengan perhatian khusus ini akan meningkatkan lagi rekabentuk produk tradisi tempatan sambil memastikan kualiti produk tersebut tetap di tahap yang tinggi.

11. Sekian saja ucapan ringkas saya dan dengan mendahulukan kalimah Bismillah Hir Rahman Nir Rahim dan dengan bertawaqal kepada Allah Subhannahu Wa Taala serta berselawat dan salam kehadiran Nabi Muhammad s.a.w. serta sahabat-sahabat baginda, maka saya rasmikan Pameran Kain Tenunan: Budaya dan Ekonomi Tradisi Brunei.

Wabillahi Taufiq Wal-Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.